

Tarikh Dibaca: 28 Februari 2025M / 29 Sya'ban 1446H



ISLAMIC · SAVIOUR · OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“PUASA: IBADAH YANG MEMBINA JIWA
DAN PERADABAN”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"PUASA: IBADAH YANG MEMBINA JIWA DAN PERADABAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ
كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah

¹ Al-Baqarah : 183

² Ali-'Imran: 102.

diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **"PUASA: IBADAH YANG MEMBINA JIWA DAN PERADABAN"**.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita masih diberikan kesempatan untuk berada di ambang bulan Ramadhan al-Mubarak, bulan yang penuh keberkatan dan keampunan. Dengan penuh kehambaan, kita diwajibkan untuk menunaikan ibadah puasa yang telah difardukan ke atas setiap muslim sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 183 yang telah dibacakan pada awal khutbah yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa."

Perhatikan bagaimana Allah SWT menyatakan bahawa puasa juga telah difardukan ke atas umat sebelum kita di mana puasa yang disyariatkan kepada mereka jauh lebih berat dan mencabar berbanding dengan apa yang telah ditetapkan kepada umat Nabi Muhammad SAW. Ini menunjukkan ibadah puasa bukanlah sesuatu yang asing dalam syariat Allah SWT, tetapi telah menjadi amalan umat terdahulu sebagai jalan menuju ketakwaan. Justeru, apakah yang menjadi matlamat sebenar puasa? Jawapannya jelas dalam ayat ini iaitu 'supaya kamu bertakwa'.

Ketakwaan inilah yang menjadi ukuran kejayaan seseorang dalam bulan Ramadhan. Bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, tetapi menahan diri daripada segala perkara yang mengurangkan pahala puasa

seperti dusta, fitnah, maksiat mata dan telinga, serta kelalaian dalam mengingati Allah SWT. Jika hanya perut yang berpuasa tetapi hati masih lalai, lidah masih menabur fitnah, dan mata masih liar memandang yang haram, maka apakah kita benar-benar memahami maqasid di sebalik ibadah puasa yang dilaksanakan?

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Puasa adalah ibadah yang penuh keikhlasan, suatu bentuk pengabdian yang hanya diketahui antara Allah SWT dengan hamba-Nya. Berbeza dengan solat yang dapat dilihat oleh mata, hakikatnya ibadah puasa tersembunyi daripada pandangan manusia. Tiada siapa yang tahu, tiada siapa yang melihat hakikat sebenar seseorang itu berpuasa, kecuali dirinya sendiri dan Allah Yang Maha Mengetahui. Di sinilah terletaknya keistimewaan ibadah puasa.

Menelusuri sejarahnya, umum diketahui bahawa puasa di bulan Ramadhan telah difardhukan pada bulan Sya'ban tahun kedua Hijrah, hanya sebulan sebelum tibanya Ramadhan.

Sebelum turunnya perintah wajib berpuasa, umat Islam diberikan kelonggaran sama ada mahu berpuasa atau menggantikannya dengan fidyah, iaitu memberi makan kepada orang miskin. Namun, keringanan ini berakhir apabila Allah SWT menurunkan perintah yang jelas mewajibkan puasa sebulan penuh di bulan Ramadhan.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 185:

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ^ص

“Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu...”

Sidang Jumaat yang Berbahagia,

Menurut Ibnu Kathir dalam kitab tafsirnya, Nabi Adam Alaihissalam berpuasa selama tiga hari setiap bulan sepanjang tahun. Riwayat lain mengatakan bahawa Nabi Adam Alaihissalam juga berpuasa pada setiap tanggal 10 Muharram sebagai ungkapan syukur kerana Allah SWT mengizinkannya bertemu dengan isterinya, Hawa di Arafah.

Nabi Nuh Alaihissalam pula berpuasa selama tiga hari setiap bulan sepanjang tahun, khususnya ketika bahtera baginda berlayar selama enam bulan mengharungi banjir besar. Bahkan, kaum Nasrani juga dahulunya diwajibkan berpuasa selama 50 hari, namun mereka kemudian mengubah hukum itu mengikut kehendak mereka.

Seterusnya pada zaman Nabi Musa Alaihissalam, baginda berpuasa 40 hari 40 malam dalam persiapan menerima wahyu daripada Allah SWT di Bukit Sinai.

Nabi Daud Alaihissalam juga berpuasa secara berselang-seli iaitu sehari berpuasa dan sehari berbuka sehinggalah Rasulullah SAW sendiri mengangkat amalan ini sebagai puasa yang terbaik.

Di era masyarakat Arab Jahiliyah, mereka telah mengenali ibadah puasa sebelum kedatangan Islam. Saidatina 'Aisyah Radiallahuanha meriwayatkan bahawa kaum Quraisy sudah terbiasa berpuasa pada hari 'Asyura. Rasulullah SAW juga mengamalkan puasa ini, sehinggalah datang

perintah wajibnya puasa Ramadhan yang lebih utama dan sempurna. Kata Saidatina 'Aisyah Radiallahuanha yang bermaksud:

"Hari Asyura' ialah hari dimana orang-orang Quraisy berpuasa pada zaman Jahiliyah dan Nabi Muhammad SAW juga berpuasa pada hari itu. Ketika Baginda datang ke Madinah, Baginda turut berpuasa pada hari Asyura' itu, dan memerintahkan umatnya untuk berpuasa pada hari itu. Apabila turun perintah kewajipan puasa Ramadhan, maka sesiapa yang mahu berpuasa pada hari Asyura' maka dia boleh berpuasa, dan sesiapa yang tidak mahu maka dia tidak perlu berpuasa".

(Riwayat al-Bukhari).

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Melihat kepada sejarah puasa umat-umat terdahulu, terselit hikmah yang mengasuh rasa syukur dan sabar. Maka, marilah kita renungi lima hikmah agung yang terkandung dalam ibadah puasa ini.

Pertama, puasa mendidik hati untuk sentiasa bersyukur. Pada saat perut lapar dan tekak dahaga, barulah kita sedar betapa besar nikmat yang Allah SWT kurniakan selama ini. Kekenyangan, kekuatan, dan kesegaran yang kita nikmati setiap hari bukanlah sesuatu yang boleh diremehkan.

Kedua, puasa menjadi benteng daripada maksiat dengan makna menahan anggota badan dan hati daripada segala perkara yang dimurkai Allah SWT. Inilah yang disebut sebagai puasa khusus oleh Imam al-Ghazali iaitu bukan sekadar menahan lapar, dahaga dan syahwat, bahkan turut menjaga pendengaran, penglihatan, percakapan serta seluruh anggota tubuh daripada melakukan perkara makruh, dosa dan maksiat.

Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Puasa adalah perisai, maka orang berpuasa janganlah berbuat kotor dan jangan pula berbuat perkara bodoh. Apabila ada orang yang mengajaknya berkelahi atau menghinanya maka katakanlah aku sedang berpuasa..."

(Riwayat al Bukhari).

Ketiga, puasa menyuburkan rasa empati terhadap mereka yang hidup dalam kemiskinan. Ketika kita menahan lapar, kita sebenarnya sedang merasai sedikit daripada kesengsaraan golongan yang tidak berkemampuan.

Keempat, puasa menjadi sebab penghapusan dosa. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الصَّلَاةُ الْخَمْسُ، وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ، وَرَمَضَانُ
إِلَى رَمَضَانَ، مُكَفِّرَاتٌ مَا بَيْنَهُنَّ إِذَا اجْتَنَبَ الْكَبَائِرَ

"Solat lima waktu dan solat Jumaat ke Jumaat berikutnya, dan Ramadhan ke Ramadhan berikutnya, adalah penghapus dosa antara keduanya, apabila dia menjauhi dosa besar."

(Riwayat Muslim).

Kelima, puasa mampu mengawal nafsu syahwat. Bagi yang belum mampu mendirikan rumah tangga, Rasulullah SAW menganjurkan puasa sebagai jalan untuk meredakan keinginan syahwat.

Hadis yang diriwayatkan daripada 'Alqamah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Wahai para pemuda, sesiapa di antara kalian yang telah mempunyai kemampuan (zahir & batin), maka hendaklah ia berkahwin, kerana berkahwin itu dapat menundukkan pandangan dan juga lebih menjaga kemaluan. Namun bagi siapa yang belum mampu, hendaklah ia berpuasa, kerana sesungguhnya hal itu menjadi benteng untuk meredakan nafsunya.

(Riwayat al Bukhari).

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam menghadapi bulan Ramadhan yang akan tiba:

1. Umat Islam hendaklah memahami bahawa puasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, bahkan turut menjaga pendengaran, penglihatan, percakapan serta seluruh anggota tubuh daripada melakukan perkara makruh, dosa dan maksiat.

2. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa syariat puasa bagi umat terdahulu jauh lebih berat dan mencabar berbanding syariat puasa yang ditetapkan kepada kita selaku umat Nabi Muhammad SAW.

3. Umat Islam hendaklah merebut peluang keemasan di bulan Ramadhan dengan memanfaatkan setiap kelebihanannya melalui amalan soleh yang dilakukan secara berterusan dan bersungguh-sungguh.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



وَلِكُلِّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيَهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ
بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

"Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menunjunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu".

(Surah al-Baqarah: 148).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.



اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَعَكُّوْا أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, takdir yang buruk dan kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri

kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Kukuhkanlah Ya Allah, pegangan akidah umat Islam di negeri ini, akidah yang berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



ISLAMIC SAVIOUR OBEEDIENCE

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.